


- 1 Antara yang berikut, manakah menerangkan tentang keperluan.
- I Tuntutan semulajadi manusia
 - II Dipenuhi untuk hidup lebih selesa
 - III Tidak terbatas dan sukar dipuaskan
 - IV Boleh disusun mengikut keutamaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 2 Pernyataan manakah yang menerangkan pengeluaran tidak langsung ?
- A Puan Hanisah menanam sayuran untuk keperluan keluarganya
 - B Pak Syakir membuat bot untuk digunakan menangkap ikan
 - C Encik Faris seorang penjual sate memperolehi keuntungan yang lumayan
 - D Cik Syamimi menanam pokok bunga sebagai hiasan di halaman rumahnya
- 3 Situasi manakah merujuk kepada nilai faedah masa ?
- A Pengeluar radio memindah milik keluarannya kepada pengguna
 - B Payung disimpan untuk dijual semasa musim tengkujuh
 - C Rotan dipindah dari hutan ke kilang untuk diproses
 - D Tepung gandum diadun untuk dijadikan roti
- 4 Antara maksud pengkhususan ?
- A Menumpukan terhadap satu jenis pekerjaan tertentu sahaja
 - B Mengagihkan barang dari pengeluar kepada pengguna akhir
 - C Membeli dan menjual barangan untuk memperolehi keuntungan
 - D Menghasilkan barangan yang memberi kepuasan kepada manusia


- 5 Antara yang berikut, situasi manakah berkaitan peranan usahawan kepada masyarakat ?
- I Encik Zahasmi membelanjakan RM500 000 untuk promosi keluarannya
 - II Encik Farid mengupah 150 orang pekerja di kilang yang baru dibukanya
 - III Cik Faridah mengubah suai keluarannya mengikut cita rasa pelanggan
 - IV Puan Adawiyah membeli insurans nyawa daripada syarikat insurans
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis bantuan perniagaan.



Apakah bantuan perniagaan P dan Q ?


	P	Q
A	Komunikasi	Promosi
B	Komunikasi	Pergudangan
C	Promosi	Komunikasi
D	Promosi	Pergudangan

- 7 Pernyataan berikut berkaitan dengan sejenis saluran agihan.



Aktiviti manakah yang menggunakan saluran agihan tersebut ?


- A Hafizi mendapat rawatan di Klinik Keluarga J'Jengka
 - B Syarikat Alif menghantar keluarannya kepada peruncit
 - C Aina membeli polisi insurans daripada Gemilang Insurans
 - D Syahmi mendapatkan barang keperluan di Pasar Mini D'Maju
- 8 Maklumat di bawah berkaitan dengan fungsi perniagaan runcit.



Apakah kesan fungsi tersebut kepada peruncit ?

- A Menyediakan perkhidmatan selepas jualan
- B Mengurangkan perbelanjaan
- C Meningkatkan jualan
- D Menjimatkan masa

- 9 Rajah berikut menunjukkan cabang peruncit besar-besaran.



Apakah cabang P ?

- A Kedai Khusus
 - B Pesanan Mel
 - C Gedung Aneka Jabatan
 - D Mesin Peruncitan Automatik
- 10 Maklumat berikut merupakan satu keadaan yang menyebabkan pengambilalihan fungsi pemborong.

- ♣ Pesanan mel
- ♣ Kedai Katalog
- ♣ E-dagang

Apakah keadaan tersebut ?

- A Barang yang ditempah khas
 - B Bentuk lain peruncitan
 - C Perlantikan ejen oleh pengeluar
 - D Penubuhan rangkaian kedai runcit
- 11 Apakah dokumen perniagaan yang digunakan selepas sesuatu urusan niaga ?
- A Invois
 - B Katalog
 - C Sebut harga
 - D Penyata akaun

- 12 Apakah kelebihan kaedah jualan tunai kepada penjual ?
- A Menambahkan aliran tunai
 - B Memupuk sifat berjimat cermat
 - C Menarik lebih ramai pelanggan
 - D Memudahkan penjualan barang mewah
- 13 Antara berikut, manakah sebab wujudnya perniagaan antarabangsa ?
- I Perbezaan taraf hidup
 - II Perbezaan teknologi
 - III Perbezaan bentuk mukabumi
 - IV Perbezaan kos pengeluaran
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 14 Situasi manakah yang merupakan import nyata bagi Malaysia ?
- A Membeli daging lembu dari Australia
 - B Memasarkan kereta proton ke Singapura
 - C Menerima kedatangan pelancong dari Jerman
 - D Mengambil pelajar Jepun belajar di universiti tempatan
- 15 Manakah antara berikut dokumen pembayaran bagi perniagaan antarabangsa ?
- A Nota Perkapalan
 - B Polisi Insurans
 - C Surat Cagaran
 - D Invois Konsular

16 Antara yang berikut, yang manakah halangan dalam perniagaan antarabangsa ?

- I Kos pengeluaran
- II Keadaan politik
- III Mata wang
- IV Teknologi
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17 Pasangan manakah yang menerangkan tentang kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ?

	Industri	Produk yang dihasilkan
A	Berasaskan logam	Penapis minyak
B	Komponen automatif	Bateri kereta
C	Berasaskan sumber	Papan litar
D	Komponen elektrik	Bingkai besi

18 Maklumat berikut adalah berkenaan satu program yang membantu Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

- ❖ Membekal komponen secara vendor
- ❖ Membantu industri berat mendapat komponen secara berterusan dan berkualiti

Apakah program tersebut ?


- A Penyelidikan dan Pembangunan
- B Pembangunan Infrastruktur
- C Peningkatan Kemahiran
- D Rantaian Industri

- 19 Maklumat berikut berkaitan sejenis borang yang diperlukan oleh Encik Mustaqeem.

Beliau perlu mengisi **Borang A** untuk perniagaan milikan tunggal M' Mus Kedai Runcit yang hendak beroperasi di Bandar Tun Abdul Razak, Jengka.

Apakah tujuan Borang A digunakan ?

- A Mengubah maklumat perniagaan
 - B Mendaftar penubuhan perniagaan
 - C Memohon kelulusan nama perniagaan
 - D Memperbaharui pendaftaran perniagaan
- 20 Rajah menunjukkan aspek pengurusan pelanggan dalam mengendalikan perniagaan ?



Apakah aspek Q ?

- A Mengetahui peribadi pelanggan
- B Memahami gaya hidup pelanggan
- C Mengetahui cara melayan pelanggan
- D Mengenal pasti pekerjaan pelanggan

- 21 Cik Nurhaliza menyimpan wang dalam akaun simpanan tetap sebanyak RM40 000 bagi tempoh 6 bulan. Kadar faedah adalah 5% setahun.

Berapakah jumlah wang yang diterima oleh Cik Nurhaliza pada akhir tempoh tersebut ?

- A RM41 000
 - B RM40 500
 - C RM21 000
 - D RM20 500
- 22 Encik Asraf dan isterinya Julaikha membeli sebuah pangsapuri mewah bernilai RM200 000. Mereka bersetuju untuk menjual pangsapuri tersebut kepada Encik Aqasah dengan harga RM350 000.

Berapakah keuntungan modal yang diperoleh mereka ?

- A RM150 000
 - B RM200 000
 - C RM350 000
 - D RM550 000
- 23 Apakah fungsi bank pusat ?
- A Menjadi jurubank kepada orang ramai
 - B Memberi pinjaman kepada usahawan
 - C Mengeluar dan mengawal mata wang
 - D Membiayai projek badan korporat

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis kemudahan pembayaran bank.

Encik Ramzi meminta pihak bank membayar gaji
pekerjanya pada 20 hari setiap bulan


Apakah jenis kemudahan pembayaran tersebut ?

- A Pindahan kredit
 - B Cek jurubank
 - C Arahkan tetap
 - D Draf bank
- 25 Puan Hamizah mengalami kecederaan kerana terjatuh semasa membeli belah di Pasar Raya Jimat. Kecederaan disebabkan permukaan lantai yang licin di pasar raya itu.

Apakah jenis insurans yang boleh melindungi pemilik Pasar Raya Jimat daripada tuntutan Puan Hamizah ?

- A Insurans liabiliti am
- B Insurans jaminan setia
- C Insurans liabiliti majikan
- D Insurans kemalangan peribadi

26 Rajah menunjukkan jenis insurans.




Apakah jenis insurans Q ?

- A Insurans kemalangan peribadi
 - B Insurans endowmen
 - C Insurans pendidikan
 - D Insurans liabiliti am
- 27 Apakah kelebihan pengangkutan jalan raya berbanding pengangkutan rel ?
- A Jadual perjalanan tetap
 - B Ruang muatan yang luas
 - C Tambang murah untuk jarak jauh
 - D Serahan barang dari pintu ke pintu
- 28 Apakah peranan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ?
- A Mengutip cukai jalan kenderaan bermotor
 - B Melakukan pengubahsuaian kenderaan awam
 - C Memberi perakuan membeli insurans kenderaan
 - D Menyiasat ke atas kemalangan yang terlibat kemalangan

- 29 Apakah kelemahan pengangkutan rel ?
- A Ruang muatan terhad
 - B Kerja pemunggaran kurang
 - C Kos penyelenggaraan tinggi
 - D Tambang mahal bagi jarak jauh
- 30 Apakah perkhidmatan yang diperlukan oleh Hotel D'Vista bagi tujuan pengesahan kad kredit pelanggannya ?
- A Telefaks
 - B MAYPAC
 - C Mel Elektronik
 - D Panggilan tanpa tol
- 31 Antara berikut, manakah faktor pemilihan jenis perkhidmatan komunikasi ?
- I Mudah didapati
 - II Jenis maklumat
 - III Kemampuan syarikat
 - IV Jenis dan sifat barangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 Pernyataan yang manakah merupakan ciri gudang yang baik ?
- A Hiasan dalaman yang menarik
 - B Buruh banyak diperlukan
 - C Lokasi di pusat bandar
 - D Peralatan yang lengkap

33 Rajah di bawah berkaitan sejenis gudang.



Apakah jenis gudang P ?

- A Gudang pengilang
 - B Gudang pemborong
 - C Gudang peruncit
 - D Gudang berbon
- 34 Pernyataan manakah merupakan peranan promosi ?
- A Menyelaraskan permintaan dan penawaran
 - B Mengelakkan pembaziran keluaran
 - C Melindungi daripada risiko kerugian
 - D Menyaingi pesaing di pasaran
- 35 Antara berikut, manakah unsur yang terdapat dalam campuran pemasaran ?
- I Pesaing
 - II Promosi
 - III Produk
 - IV Permintaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 36 Apakah jenis media yang perlu digunakan untuk mengiklankan D' Aroma Dobi yang baru dibuka di Taman Jengka Mahkota, Maran ?
- A Majalah
 - B Risalah
 - C Suarat khabar
 - D Halaman kuning
- 37 Apakah Akta yang melindungi pengguna daripada peniaga yang memberi maklumat palsu ?
- A Akta Kawalan Harga 1973
 - B Akta Perihal Dagangan 1972
 - C Akta Timbang dan Sukat 1972
 - D Akta Jualan Barangan 1957
- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan seorang pengusaha yang memerlukan perkhidmatan sebuah agensi.

Encik Zamir adalah pengusaha batik lukis yang terkenal di Kuala Terengganu. Beliau bercadang untuk meluaskan pasarannya ke negara Eropah menjelang tahun 2015

Apakah agensi tersebut ?

- A Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)
- B Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM)
- C Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)
- D Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE)

- 39 Encik Talha seorang usahawan di Kota Bharu telah memberi sumbangan RM20 000 kepada tabung bencana alam di Kuantan yang mengalami banjir.

Apakah bidang tanggungjawab dalam Etika Amalan Perniagaan yang telah dilaksanakan oleh beliau ?

- A Masyarakat
 - B Kerajaan
 - C Pemodal
 - D Pekerja
- 40 Situasi manakah menggambarkan seorang pembeli yang bijak ?
- A Alias membeli peralatan komputer berdasarkan gerak hati
 - B Encik Ranjit membeli barang keperluan jauh dari rumahnya
 - C Puan Sally membeli baju yang berjenama untuk kelihatan bergaya
 - D Mat Sudin membeli pakaian sekolah anaknya seminggu sebelum sekolah dibuka

KERTAS SOALAN TAMAT